

Pak Lah utama kepentingan negara

PM sangat teliti ketika buat keputusan batal projek bina jambatan baru

Oleh Mohd Effendi Norwawi

PADA pendapat saya, kenyataan terbaru Tun Dr Mahathir Mohamad terhadap pentadbiran Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi sangat keterlaluan dan tidak adil terhadap Perdana Menteri.

Saya masih menghormati Tun Dr Mahathir yang baik terhadap saya ketika berkhidmat di bawah pentadbirannya dan mengagumi kepemimpinannya. Namun, saya mengeluarkan kenyataan ini dengan fikiran yang jelas. Saya bukan ahli Umno dan saya adalah pihak yang tiada kepentingan politik dalam kancah pertelingkahan ini.

Antara isu yang menyebabkan kemarahan Dr Mahathir adalah berkaitan pembatalan projek jambatan baru menggantikan Tambak Johor. Demi kepentingan awam, saya berasa terpanggil untuk mendedahkan apa yang sebenarnya berlaku kerana saya terbabit secara langsung dalam membuat keputusan mengenai perkara itu.

Saya boleh membuktikan bahawa Pak Lah sangat teliti ketika membuat keputusan membatalkan projek itu yang mana setiap fakta dibentangkan, diperinci dan dibahaskan secara saksama.

Semua menteri terbabit dalam perbahasan itu dan membincangkan segala maklumat disediakan oleh kementerian berkaitan. Perbahasan mengenai perkara itu berlanjutan sehingga beberapa mesyuarat Kabinet.

Ketika berlangsung perbincangan itu, tidak pernah sekalipun Pak Lah yang mempengeruskannya, membuat sebarang percubaan untuk mempengaruhi perbahasan berkenaan.

Keputusan dibuat secara kolektif dengan setiap menteri memberi pandangan dan membuat keputusan berdasarkan pertimbangan masing-masing. Keputusan yang dicapai adalah paling logik - tiada pilihan lain.

Dalam perkara itu, Malaysia tidak harus mengambil risiko membina separuh daripada jambatan itu tanpa komitmen yang jelas daripada Singapura untuk membina

Keputusan dibuat secara kolektif dengan setiap menteri memberi pandangan dan membuat keputusan berdasarkan pertimbangan masing-masing



sebahagian lagi di negaranya.

Keputusan itu dibuat berdasarkan apa yang terbaik untuk negara. Namun, apa yang pasti, keputusan itu tidak bermaksud untuk menentang mahupun menyinggung perasaan dan keputusan Dr Mahathir mengenai perkara itu.

Sepanjang saya berkhidmat dengan Pak Lah, tidak pernah sekali pun beliau menyatakan perkara negatif mengenai Tun Mahathir. Malah, kami sering diingatkan oleh beliau supaya jangan sekali-kali melupakan segala pengorbanan, kepemimpinan dan sumbangan Tun Mahathir ketika

berkhidmat sebagai Perdana Menteri dulu.

Ketika bersama-sama Pak Lah, saya dapat tiada satu keputusan yang dibuat untuk kepentingan peribadi. Beliau sering meletakkan kepentingan negara terhadap apa juga keputusan yang dibuatnya. Bagi mereka yang mengenali Pak Lah sudah pasti maklum bukan sikapnya untuk mencemarkan nama baik orang lain.

Saya berbangga kerana pernah bekerja bersama-sama Pak Lah dan Tun Dr Mahathir. Saya tahu kedua-dua pemimpin mempunyai perasaan dan komitmen yang

sangat mendalam terhadap masa depan negara dan rakyat. Kedua-duanya mahu melihat negara kita terus maju.

Dengan semangat itu, saya berharap dalam hati kecil Dr Mahathir akan dapat menerima Pak Lah (sebagai Perdana Menteri) sedang berusaha melakukan yang terbaik untuk negara dan kita harus bersatu menempuh cabaran mendatang dalam membina negara Malaysia yang maju.

Datuk Seri Mohd Effendi Norwawi adalah Menteri di Jabatan Perdana Menteri